

Nik Aziz akui Pas peralat Keadilan

BH 22 JAN 2002

Oleh Veena Rusli

KOTA BHARU. Isnin Mursyidui Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengakui **parti** itu **memperalatkan Parti Keadilan Nasional (Keadilan)** bagi melaksanakan agenda memperkukuhkan kepentingan politiknya.

Bagaimanapun, beliau mendakwa seiaian Keadilan yang turut memperalatkan Pas, **parti komponen Barisan Nasional (BN)** saling mempergunakan antara satu **sama** lain untuk mencapai **cita-cita** politik masing-masing.

"Umno **guna** MCA dan MIC, kami pun **pandai** juga gunakan **parti** lain. Pas **guna** Keadilan... Keadilan gunakan Pas. Konsep Islam tidak meiarang **kita** bergabung dengan orang lain dan sejak kami (Pas) **masuk** kerajaan campuran duu iagi kami jadinya sebagai **asas** perjuangan.

"Masa depan **parti** pembangkang di negara **ini** cukup baik kerana seia orang jahat **ada**, seiaitu kami **berpeluang** membetuikan keadaan. Cuba (**parti** iawan) tunjuk **kebaikan**. Dia ceramah **kita** jawab dan **kita** ceramah dia jawab, baruih rakyat **selesa**... **ini** semuanya tidak boieh," katanya seiepas menyampaikan amanat 'Ke Arah Merealisasikan **Kelantan** Sebagai Jeiapang **Makanan Negara**' di Baiat Islam, **Lundang**, di **sini** hari **ini**.

Semaian, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, **berkata** **ada** petanda **Keadilan** tidak iagi mendapat

Keadilan juga didakwa memperalatkan Pas, manakala **parti** komponen Barisan Nasional saling mempergunakan antara satu sama lain

sokongan dan tidak boleh diperaiatkan untuk kepentingan Pas.

Perdana Menteri **berkata**, dengan adanya **Keadilan**, Pas yang mendapat tambahan kerusi Wakil Rakyat sehingga mampu mengatasi DAP sebagai ketua pembangkang.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Keiantan mendakwa, tindakan **kerajaan** memerintah **menyekat** hak **parti** pembangkang berceramah membuktikan dakwaan pembangkang seia **ini** mempunyai kebenaran dan diterima rakyat.

"Kaiu kami ceramah **benda** tak betui,' tak **perlu** disekat kerana dengan sendirinya orang tak akan pergi...tapi yang dia sekat **sangat**, maknanya rakyat nak dasar **parti** kami **sebab** itu dia terpaksa **tutup** maklumat.

"Islam **ini** agama benar tetapi Allah tak paksa orang terima Islam. **Kaiu** Islam sendiri tak boieh dipaksa, **bagaimana** pula **parti** politik boieh paksa orang masuk **parti** dia, **ini** iebih hebat dari Tuhan.

"Sekarang **ini** saya rasa **macam** duduk daian **negara** komunis sebab surat khabar (pembangkang) tiada, ceramah tak boieh.

Kita mahu generasi **muda** faham bahawa kerajaan siaah gunakan demokrasi... democracy to kill democracy (demokrasi untuk membunuh demokrasi)," katanya.

Beliau turut menafikan pengaruh Pas terjejas **berikutan** kekalahan calon Keadilan **pada** pilihan **raya** kecil **Dewan** Undangan Negeri (DUN) indera **Kayangan**, keimarin.

Sebaiknya, Nik Abdul Aziz mendakwa **kemenangan** BN berikutan **penggunaan** wang yang iebih **banyak** membuktikan **ke**merosotan pengaruh **parti** itu di kaiangan rakyat.

Ditanya **sama** **ada** **kedudukan** semasa Keadilan boleh menyukarkan Pas dalam pakatan **pembangkang** **pada** masa depan, **beliau** berkata:

"Gelap cerah (masa **depan** **parti**) **ini** terletak **atas** pihak lain kerana orang Keadilan sendiri tak **timbulk**an soai gelap cerah. Lepas geiap, tentuah **ada** cerah.

"Mengikut **bancian** kami, BN berbeiania besar **untuk** mendapatkan **sokongan** pengundi di Indera Kayangan dan **kita** **yakin** mereka tidak mampu **mei**akukan perkara **sama** **pada** pilihan **raya** umum," katanya.